

Geotapak ini ialah pulau baki yang terletak di bahagian timur laut Selat Kuah berhampiran dengan Pulau Singa Besar. Di pulau ini ada sempadan yang jelas antara batuan sedimen Formasi Singa berusia Devon sehingga Perm (355 hingga 290 juta tahun) dengan batu kapur Formasi Chuping. Geotapak ini sangat penting kerana panorama indah penara batu kapur Formasi Chuping berusia Perm (275-245 juta tahun). Penara batu kapur berwarna putih kelihatan tersergam terletak di atas batuan dasar Formasi Singa berwarna gelap.

Sempadan antara dua batuan ini adalah rekod saintifik yang sangat penting bagi jumpaan pelbagai fosil seperti brachiopod, karang kuno, bivalvia, gastropod, briozoa dan alga. Fosil ini menjadi bukti berlakunya perubahan sekitaran lautan daripada laut dalam ke laut cetek. Keindahan pulau ini ditambah lagi dengan pokok-pokok yang mengganti dedaunan setiap musim berbeza. Penara yang diliputi hutan batu kapur juga tempat yang sesuai bagi Lang siput (*Haliaeetus leucogaster*) bersarang. Usaha sudah dimulakan untuk memelihara keseluruhan pulau ini sebagai monumen geologi tapak utama sejarah bumi Malaysia. Pulau Singa Kechil berada dalam laluan georintis Taman Georimba Marmar Dayang Bunting dan keindahannya boleh dilihat oleh pelancong dengan menaiki bot.

*This geosite is a remnant island located in the northeastern of Kuah Strait near Pulau Singa Besar. On this island, there is a clear boundary between Singa Formation sedimentary rocks aged Devonian to Permian (355 to 290 million years) and Chuping Formation limestone. This geosite is very important because of the beautiful panoramic limestone tower of Chuping Formation aged Permian (275-245 million years). The white limestone tower appears like a monument sitting on the darker Singa Formation rocks.*

*The boundary between these two rocks is a very important scientific record in which various fossils can be found, such as brachiopods, ancient corals, bivalves, gastropods, bryozoans and algae. These fossils are evidence of the changes in the environment from deep-seafloor to shallow seafloor. The beauty of this island is further enhanced by the changing leaves following different seasons. The tower is covered by limestone forest, which is an ideal place for the White-bellied sea eagle (*Haliaeetus leucogaster*) to nest. Efforts have already begun to safeguard the entire island as a geological monument of a major site in the history of Malaysia. The Pulau Singa Kechil is on the Dayang Bunting Marble Geoforest Park geotrail and its landscape beauty can be seen by tourists by boats.*



Shahmohd Al Zahri

Lang Siput  
White-bellied sea eagle  
*Haliaeetus leucogaster*

Pandangan dari udara  
Geotapak Menara  
Pulau Singa Kechil  
Aerial view of Pulau  
Singa Kechil Tower  
Geosite



Teritip ialah penghuni tetap pantai berbatu di pulau ini. Barnacles are the permanent residents of rocky shores of this island.



Fosil surih *Arenicolites* spp. dalam batu dasar Formasi Singa di pulau ini  
Trace fossils of *Arenicolites* spp. in the base rock of Singa Formation on this island.



Pulau Singa Kechil semasa musim hujan  
Pulau Singa Kechil during a wet season

Pulau Singa Kechil semasa musim kering  
Pulau Singa Kechil during a dry season

